



# KENYATAAN MEDIA

Untuk siaran segera

## LHDNM TIDAK BEROPERASI PADA 22 JANUARI 2012

Cyberjaya, 16 Januari – Sempena cuti perayaan Tahun Baru Cina yang akan disambut pada 23 dan 24 Januari ini, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) ingin memaklumkan bahawa pejabat-pejabat LHDNM di tiga buah negeri iaitu **Kedah, Kelantan dan Terengganu** tidak akan beroperasi pada 22 Januari 2012. Tindakan ini diambil sebagai langkah penyelarasan operasi LHDNM ketika musim perayaan Tahun Baru Cina.

Berikutan itu, kaunter-kaunter penerimaan Borang Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) di negeri-negeri berkenaan turut akan menutup operasinya. Operasi pejabat-pejabat LHDNM di ketiga-tiga negeri ini serta semua negeri seluruh Malaysia akan kembali seperti biasa pada **25 Januari 2012**. Walau bagaimanapun, para pelanggan masih boleh melakukan urusan percukaian mereka melalui perkhidmatan elektronik yang disediakan di Laman Sesawang Rasmi kami iaitu [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my).

LHDNM memohon maaf atas kesulitan yang mungkin dialami oleh para pelanggan. Kami juga ingin mengucapkan *Gong Xi Fa Cai* kepada semua rakyat Malaysia terutamanya pembayar cukai yang berbangsa Tionghoa. Semoga Perayaan Tahun Baru Cina pada tahun ini akan membawa lebih kesejahteraan serta kemakmuran kepada semua.

**SEKIAN, TERIMA KASIH**

# # #

<b>Dikeluarkan oleh</b>	<b>:</b>	<b>Masrun bin Maslim</b>
		<b>Pegawai Perhubungan Awam</b>
		<b>Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia</b>
<b>Tarikh</b>	<b>:</b>	<b>16 Januari 2012</b>
<b>Nombor Telefon</b>	<b>:</b>	<b>03-8313 8836</b>
<b>Nombor Faks</b>	<b>:</b>	<b>03-8313 7834</b>
<b>Pusat Khidmat Pelanggan</b>	<b>:</b>	<b>1-300-88-3010</b>

**www.hasil.gov.my**